

## LEMBAGA AHLI GEOLOGI

### GARIS PANDUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING GEOLOGI

#### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat Bil. MOF.BPK(S)600-21/2/13(8) bertarikh 23 Januari 2020 telah meluluskan permohonan untuk mewujudkan kod bidang geologi di bawah perkhidmatan perunding fizikal, bidang bukan kejuruteraan dalam perolehan kerajaan iaitu **Kod 330211 – Geologi**. Sehubungan dengan itu Lembaga Ahli Geologi (BoG) yang sebelum ini melaksanakan pendaftaran ahli geologi individu, kini perlu juga melaksanakan pendaftaran firma perunding geologi. MOF telah mensyaratkan bahawa firma dan individu tempatan/asing yang ingin berdaftar dengan MOF dalam bidang perkhidmatan perunding fizikal di bawah kod Geologi hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan BoG.

Selaras dengan kelulusan MOF tersebut, BoG bersedia untuk mendaftar firma perunding dengan menentukan syarat dan tatacara permohonan pendaftaran firma perunding dengan BoG. Garis Panduan ini boleh dijadikan rujukan oleh firma perunding geologi apabila ingin membuat permohonan pendaftaran dengan BoG. Sehubungan dengan ini, firma perunding bidang geologi disarankan supaya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang geologi berkenaan supaya kepakaran bidang geologi sentiasa dapat di pertingkatkan.

Penyediaan garis panduan pendaftaran firma perunding geologi ini berpandu kepada peraturan dan tatacara yang dibuat oleh beberapa lembaga ikhtisas. Bagi tujuan keselarasan tatacara dan syarat yang dikenakan, rujukan juga telah dibuat kepada Panduan Pendaftaran Firma Perunding (Pindaan Oktober 2013) yang dikeluarkan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia.

#### 2. SYARAT PENDAFTARAN

- 2.1 Semua firma perunding geologi hendaklah diperbadankan di Malaysia (Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Registrar of Business (ROB) atau Registrar of Company (ROC) sebelum boleh berdaftar dengan BoG. Bagi Sabah dan Sarawak, firma perunding berkenaan perlu diperbadankan atau berdaftar dengan pihak berkuasa yang mendaftarkan firma perunding di Sabah dan Sarawak.
- 2.2 Firma perunding geologi yang berdaftar dengan BoG akan diberikan taraf daftar sahaja.
- 2.3 Firma asing yang tidak diperbadankan di Malaysia perlu menubuhkan cawangan di Malaysia dan cawangan tersebut perlu berdaftar dengan SSM mengikut Akta Syarikat 1965 [Akta 125].
- 2.4 Pemilik ekuiti/saham utama hendaklah berdaftar sebagai P.GEOL.
- 2.5 Selaras dengan syarat MOF, firma perunding geologi yang ingin berdaftar dengan BoG juga dikehendaki mempunyai modal terkumpul/berbayar seperti berikut :-
  - a) Firma Perseorangan (Sole Proprietor) - Minimum RM50,000
  - b) Firma Perkongsian (Partnership) - Minimum RM50,000
  - c) Firma Korporat (Body Corporate) - Minimum RM50,000

### **3. TATACARA PERMOHONAN**

- 3.1 Permohonan untuk pendaftaran Firma Perunding Geologi hendaklah dikemukakan ke pejabat Lembaga Ahli Geologi, menggunakan borang permohonan mengikut kategori firma masing-masing seperti berikut:

Borang K1	-	Permohonan Pendaftaran Firma Perseorangan
Borang K2	-	Permohonan Pendaftaran Firma Perkongsian
Borang K3	-	Permohonan Pendaftaran Firma Korporat

- 3.2 Tatacara permohonan Pendaftaran Firma Perunding Geologi boleh dirujuk mengikut kategori firma sepetimana dikepilkkan bersama borang permohonan. Dokumen ini boleh juga dimuat turun daripada laman web [www.bog.gov.my](http://www.bog.gov.my).

### **4. KADAR BAYARAN PENDAFTARAN**

- 4.1 Bayaran untuk proses permohonan pendaftaran Firma Perunding Geologi adalah sebanyak **RM100.00**
- 4.2 Bayaran untuk proses pembaharuan tahunan pendaftaran Firma Perunding Geologi adalah juga sebanyak **RM100.00**
- 4.3 Sekiranya pemohon menghendaki penghantaran sijil perakuan pendaftaran Firma Perunding Geologi menggunakan perkhidmatan kurier, cas tambahan sebanyak **RM15.00** dikenakan.

**Bayaran proses permohonan tidak akan dipulangkan.**

### **5. CARA BAYARAN PROSES PENDAFTARAN**

Bayaran proses permohonan pendaftaran firma boleh dibuat secara tunai atau melalui draft bank, CDM, perbankan internet atau sebagainya seperti yang dikehendaki oleh Lembaga Ahli Geologi. Semua bayaran hendaklah dibuat atas nama **LEMBAGA AHLI GEOLOGI**. Nombor akaun BoG di Maybank ialah **5640 5252 2670**.

### **6. DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN**

Bagi tujuan pengesahan dan rekod, Firma Perunding Geologi perlusertakan dokumen tertentu apabila mengemukakan permohonan pendaftaran. Dokumen yang diperlukan BoG boleh dirujuk senarai semak yang disertakan bersama borang-borang permohonan. Antara dokumen yang perlu adalah seperti berikut:

- i. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang disahkan bagi Firma Perseorangan/Perkongsian.
- ii. Borang ‘Statutory Declaration’.
- iii. Surat deklarasi penglibatan individu dalam firma.
- iv. Surat makluman penglibatan individu dalam firma lain (jika berkaitan).

- v Surat makluman oleh syarikat yang bukan firma geologi (jika berkaitan).
- vi. Borang L (Perkongsian).
- vii. Perjanjian Perkongsian.
- viii. Borang M (Lembaga Pengarah Firma Sdn. Bhd.).
- ix. Borang N (Pemegang saham dalam Firma Sdn. Bhd.).
- x. Resolusi Lembaga Pengarah (lantikan *Director-in-charge*).
- xi. Borang 24, 32A, dan 49 yang telah disahkan oleh SSM.

## **7. PERAKUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING GEOLOGI**

Setelah permohonan pendaftaran sebagai Firma Perunding Geologi diluluskan oleh Lembaga Ahli Geologi, satu Perakuan Pendaftaran akan dikeluarkan bagi tahun semasa permohonan diluluskan. Setiap perakuan pendaftaran diberi tempoh sah laku sehingga 31 Disember tahun kelulusan permohonan. Pembaharuan pendaftaran hendaklah dibuat pada bulan Januari setiap tahun.